

1. Apakah kaedah yang digunakan organisasi di bawah untuk menjalankan perniagaan ?



- A Secara percuma
 - B Menghasilkan kraftangan untuk jualan
 - C Sentiasa memberi kebenaran kepada waris untuk datang melawat
 - D Menjalankan operasi mengikut garis panduan yang di sediakan oleh kerajaan
2. Pilih padanan yang tepat

	NH PRIMA INTERNATIONAL SDN. BHD.	CIMB BERHAD
A	Bilangan ahli ialah dua hingga 50 orang	Bilangan ahli ialah dua hingga 270 orang
B	Saham syarikat diurusniagakan di Bursa Saham	Saham syarikat di urusniagakan di Bursa Saham
C	Pemegang saham menanggung liabiliti terhad	Pemegang saham menanggung liabiliti terhad
D	Berdaftar dengan suruhanjaya Syarikat Sendirian Berhad Malaysia.	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Berhad Malaysia

3. Prinsip kebebasan autonomi yang di amalkan dalam sistem pengurusan koperasi adalah bermaksud ?

- A Kebebasan menjual
- B Kebebasan bersuara
- C Kebebasan melantik
- D Kebebasan mengurus

4. Apakah kelebihan perniagaan bersaiz kecil ?

- A Kos pengeluaran yang rendah
- B Mempunyai daya saing yang tinggi
- C Mempunyai pekerja mahir dan pakar di dalam bidang
- D Cepat dan mudah menyelesaikan masalah dan rungutan pelanggan

5.



Mengapakah organisasi perniagaan di atas dikategorikan sebagai sebuah perniagaan yang berskala Global ?

- A Mempunyai laman web yang lebih stabil
- B Beroperasi di lebih kurang 25 buah negara
- C Menyediakan perkhidmatan tambang murah
- D Mempunyai peratus keuntungan tahunan yang tinggi

6. Sesebuah negara akan mencapai guna tenaga penuh apabila kadar pengangguran kurang daripada empat peratus. Pengangguran yang berlaku di bawah empat peratus dikenali sebagai

- A Pengangguran Kitaran
- B Pengangguran Optimum
- C Pengangguran Geseran
- D Pengangguran Teknologi


7. Berikut merupakan antara peranan Bank Negara Malaysia kecuali

- A Memberi dana kepada Kerajaan Malaysia
- B Mencetak dan mengeluarkan mata wang negara
- C Menjadi penasihat kepada bank-bank perdagangan
- D Menjadi penasihat kepada kementerian kewangan negara

8. Pasaran tenu adalah keadaan dimana jumlah jualan berada pada keadaan

- A Statik
- B Meleset
- C Melambung
- D Semua di atas

9. Rajah 2 menunjukkan graf kitaran ekonomi.



Apakah yang akan berlaku pada x?

- I Pendapatan kerajaan merosot
- II Kadar penganggutan meningkat
- III Pekerja dibayar upah yang tinggi
- IV Pendapatan penduduk meningkat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan semasa keadaan inflasi?

- I Menggalakkan orang ramai berbelanja lebih wang
- II Mengurangkan kadar cukai pendapatan individu
- III Memberikan subsidi kepada pengeluar
- IV Meningkatkan kadar faedah

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

11. Maklumat berikut berkaitan dengan permintaan susu lembu di Malaysia.

Semakin banyak rakyat Malaysia minum susu lembu sebagai sarapan.
Permintaan terhadap susu lembu di pasaran telah meningkat sebanyak 10%.

Apakah faktor luaran yang mempengaruhi situasi di atas?

- A Politik
- B Ekologi
- C Ekonomi
- D Sosiod budaya

12. Apakah faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?

	Faktor dalaman	Faktor Luaran
A.	Ekonomi	Teknologi Maklumat
B.	Undang-undang	Teknologi
C.	Ekologi	Kewangan
D.	Pengeluaran	Politik

13. Pernyataan manakah yang menerangkan Visi?

- A Sekolah dapat mengekalkan kelulusan 100% setiap tahun
 - B Menjadi sekolah terbaik di Daerah Gombak menjelang 2025
 - C Melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah
 - D Melahirkan para graduan yang berdaya saing dan mampu mengurus dengan baik
14. Pernyataan berikut berkaitan dengan suatu cirri objektif

Jika kita hendak membentuk objektif, maka objektif itu mestilah bersifat praktikal dan boleh dilaksanakan.

Apakah ciri yang dimaksudkan di atas?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Boleh diukur
- D Boleh dicapai

15. Apakah kepentingan visi kepada pengurus?

- A Memaksimumkan keuntungan
- B Memudahkan pengagihan sumber organisasi
- C Menjadi satu landasan untuk memajukan diri sendiri
- D Menjadi garis panduan untuk membuat keputusan dengan berkesan.

16. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan unsur faktor dalaman organisasi.

- I Syarikat Berjaya memperkenalkan teknologi baru dalam operasi pengeluaran
 - II Undang-undang baharu yang diluluskan akan meningkatkan kos operasi syarikat
 - III Para pekerja syarikat memerlukan latihan untuk meningkatkan kemahiran
 - IV Keadaan ekonomi meleset telah member kesan kepada jualan syarikat
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV


17. Maklumat berikut menunjukkan tujuan bahagian fungsian dalam sesebuah aktiviti perniagaan.

- Menjalankan urusan dalaman organisasi
- Menyimpan rekod
- Mengendalikan mesyuarat

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pemasaran
- B Pentadbiran
- C Khidmat pelanggan
- D Penyelidikan dan pembangunan

18. Rajah di bawah menunjukkan peringkat pengurusan dalam sebuah organisasi.



Peringkat pengurusan

- Apakah peranan pihak di peringkat X dalam organisasi?
- Mengawal pekerja di bahagian operasi
 - Mengagihkan sumber-sumber organisasi
 - Bertanggungjawab melaksanakan aktiviti khusus
 - Menentukan hala tuju jangka panjang organisasi.
19. Penyataan berikut menunjukkan kelebihan dalam menggunakan teknologi maklumat.

“Penggunaan teknologi maklumat dalam sebuah perniagaan dapat meluaskan pasaran ke peringkat global”.

- Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah, apakah peranan bahagian fungsian teknologi maklumat?
- Membuat promosi melalui radio dan surat khabar
 - Membina laman web untuk memperkenalkan barang
 - Menggunakan kapal terbang untuk menghantar barang
 - Mengambil lebih ramai pekerja untuk memasarkan barang

20. Maklumat berikut berkaitan dengan unsur dalam proses komunikasi.

- Penting untuk mengukur tahap keberkesanan proses komunikasi
- Boleh terdiri daripada tulisan, kata atau isyarat badan

Apakah unsur tersebut?

- Enkod
- Dekod
- Saluran
- Maklum balas

21. Maklumat yang berikut berkaitan dengan aspek dalam pengelolaan sumber manusia.

Pengagihan jawatan seseorang pekerja adalah berdasarkan pengalaman, kelayakan, kemahiran dan keperluan pekerjaan

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia dalam situasi di atas?

- A Sistem pengajian
- B Penempatan pekerja
- C Penyelesaian masalah
- D Standard prosedur operasi tugas (SOP)

22. Apakah langkah yang perlu diambil oleh organisasi untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dalam organisasi?

- A Meningkatkan pembayaran gaji
- B Meningkatkan bilangan kakitangan
- C Membawa masuk teknologi baharu
- D Mengadakan latihan dan pembangunan

23. Situasi di baawah menunjukkan pelbagai kemahiran kebolehkerjaan bagi seseorang calon pekerja.

Kepelbagaiuan ujian diperlukan untuk menilai personaliti dan kebolehan calon daripada pelbagai aspek penting yang memenuhi kehendak bakal majikan.

Berdasarkan kenyataan di atas, apakah kemahiran kebolehkerjaan yang digunakan untuk memilih pekerja?

- A Berpengalaman
- B Kelayakan dan bersesuaian
- C Berpengetahuan tentang produk dan perkhidmatan
- D Keberkesanan mencapai sasaran individu dan pasukan

24. Maklumat berikut merupakan prosedur mengurus sumber fizikal yang penting untuk memudahkan proses penghasilan produk.

* Perlindungan insurans keselamatan

* X

Apakah prosedur X?

- A Penyelenggaraan dan baik pulih sumber fizikal
- B Pemeriksaan dan jadual penggunaan sumber fizikal
- C Merangka bajet bagi kos pengurusan sumber fizikal
- D Latihan penggunaan dan pemasangan sumber fizikal

25. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Fahim

Encik Fahim merupakan pengurus penyelidikan dan pembangunan di sebuah syarikat kereta bertaraf antarabangsa.

Mengapakah Encik Fahim bertindak mendaftar paten bagi reka cipta kereta baharunya?

- A Memastikan hasil kereta mendapat pasaran
- B Memastikan reka cipta mudah diguna pakai
- C Memastikan reka cipta menjadi hak milik syarikat
- D Memudahkan syarikat bersaing dengan pengeluar lain.

26. Pernyataan manakah merujuk kepada pengurusan sumber teknologi bagi sebuah syarikat telefon pintar?


- A Kilang dan mesin yang canggih
- B Jenis dan model telefon yang pelbagai
- C Mendaftar paten reka bentuk baharu telefon
- D Bangunan dan kemudahan yang serba lengkap

27. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan keuntungan sebuah syarikat berhad

Tahun	Untung Bersih [RM juta]	Bayaran Dividen [RM juta]	Rizab [RM juta]
2015	250	100	150
2016	300	100	200
2017	350	100	250

Syarikat ingin meningkatkan operasi pengeluaran pada tahun 2018 untuk memenuhi satu kontrak luar negara. Syarikat memerlukan modal sebanyak RM400 juta untuk membuka sebuah kilang baharu untuk tujuan tersebut. Apakah sumber pembiayaan yang paling sesuai untuk digunakan oleh syarikat berkenaan?

- A Overdraf bank
 - B Modal dari keuntungan
 - C Pinjaman jangka Panjang bank
 - D Pinjaman daripada agensi kerajaan
28. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelemahan sumber pembiayaan bank berbanding dengan agensi kerajaan?
- I Persaingan yang sengit
 - II Memerlukan penjamin
 - III Memerlukan cagaran
 - IV Jumlah pinjaman yang terhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
29. Rajah yang berikut berkaitan dengan prosedur am bagi mendapatkan sumber pembiayaan.



Bagaimakah langkah X dapat membantu usahawan yang memohon pembiayaan?

- A Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh pembiaya
- B Dapat meyakinkan pihak pembiaya daya maju perniagaan
- C Boleh mengetahui jenis perniagaan yang hendak dimulakan
- D Boleh membuat keputusan tentang jenis dan jumlah pembiayaan

30. Apakah tujuan sesebuah perniagaan menyediakan kunci kira-kira?
- Melihat prestasi perniagaan
 - Menilai kekuatan perniagaannya
 - Membandingkan prestasi perniagaan dengan pesaing
 - Melihat kedudukan aset dan liabiliti perniagaan
31. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan pernyataan kewangan kepada salah satu pihak berkepentingan.
- Dapat mengetahui hala tuju perniagaan
 - Mengetahui bakal pulangan yang akan diperoleh
- Siapakah pihak berkepentingan yang berkenaan?
- Pembekal
 - Pembiaya
 - Pihak pengurusan
 - Pemegang saham
32. Mengapa perniagaan membuat analisis operasi kewangan perniagaan menggunakan Titik Pulang Modal [TPM]
- Untuk mengetahui aliran tunai semasa perniagaan
 - Untuk mengetahui kedudukan asset, liability dan ekuiti pemilik
 - Untuk mengetahui untung kasar dan untung bersih perniagaan
 - Untuk mengetahui sama ada jumlah hasil dapat menampung jumlah kos
33. Berikut merupakan maklumat nisbah semasa bagi sesebuah perniagaan untuk tahun 2018 dan 2019

Tahun	Nisbah Semasa
2018	1.2:1
2019	2.0:1

Tafsirkan prestasi perniagaan bagi tahun 2018 berbanding 2019

- A Prestasi perniagaan merosot dan tidak mampu membayar hutang
- B Kemampuan perniagaan membayar hutang dalam tempoh singkat telah meningkat
- C Risiko perniagaan telah meningkat dan pelaburan kurang memberi pulangan
- D Prestasi perniagaan telah merosot dan hanya mampu membayar hutang untuk tempoh masa panjang

34.

Encik Adam Haris telah bekerja lebih masa setiap hari bagi memastikan perniagaannya beroperasi dengan berjaya di peringkat awal memulakan perniagaan masakan “western food”.

Apakah ciri keperibadian usahawan yang ada pada Encik Adam Haris

- A Kreatif dan inovatif
- B Berani untuk gagal
- C Yakin dan optimistik
- D Komitmen yang tinggi

35. Menagapakah kerjaya sebagai ahli perniagaan boleh mendatangkan faedah kepada matlamat peribadi seseorang usahawan ?

- A Dapat melaksanakan tanggungjawab social perniagaan
- B Menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat
- C Memberi kebebasan mutlak untuk mengurus diri serta ahli keluarga
- D Boleh menghasilkan pelbagai produk yang dapat memenuhi keperluan masyarakat

36. Antara yang berikut, yang manakah merupakan akta penubuhan perniagaan ?

- A Akta Kontrak 1950
- B Akta Sewa Beli 1967
- C Akta Perihal Dagangan 1972
- D Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

37. Soalan 37 berdasarkan dokumen berikut.

Dokumen perniagaan berikut diterima oleh Kedai Pakaian Annur.
setelah menerima barang-barang yang telah dipesannya

INVOIS	No: 7575																														
Pemborong Pakai Ceria Sdn Bhd. 12, Jalan Murai 51200 Kuala Lumpur. Tel: 03-40454077. Fax 03-40454177																															
Kepada,																															
Tarikh: 15/07/2018																															
Kedai Pakaian Annur, 3 Lorong Putih, 16150 Kota Bharu, Kelantan.																															
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left; padding: 2px;">No. Rujukan</th> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Butiran</th> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Kuantiti</th> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Harga Seunit (RM)</th> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 2px;">W 053</td> <td style="padding: 2px;">Pakaian kanak-kanak</td> <td style="padding: 2px;">100 pasang</td> <td style="padding: 2px;">RM15.00</td> <td style="padding: 2px;">RM1500.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">W 075</td> <td style="padding: 2px;">Baju kurung wanita</td> <td style="padding: 2px;">100 pasang</td> <td style="padding: 2px;">RM60.00</td> <td style="padding: 2px;">RM6000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center; padding: 2px;">HARGA KASAR</td> <td style="padding: 2px; border-top: none;">RM7500.00 X 20% =RM1500.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center; padding: 2px;">Niaga</td> <td style="padding: 2px; border-top: none;">Tolak 20% Diskaun</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center; padding: 2px;">HARGA BERSIH</td> <td style="padding: 2px; border-top: none;">RM6000.00</td> </tr> </tbody> </table>		No. Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	W 053	Pakaian kanak-kanak	100 pasang	RM15.00	RM1500.00	W 075	Baju kurung wanita	100 pasang	RM60.00	RM6000.00	HARGA KASAR				RM7500.00 X 20% =RM1500.00	Niaga				Tolak 20% Diskaun	HARGA BERSIH				RM6000.00
No. Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)																											
W 053	Pakaian kanak-kanak	100 pasang	RM15.00	RM1500.00																											
W 075	Baju kurung wanita	100 pasang	RM60.00	RM6000.00																											
HARGA KASAR				RM7500.00 X 20% =RM1500.00																											
Niaga				Tolak 20% Diskaun																											
HARGA BERSIH				RM6000.00																											
Syarat Serahan: 10% 15 hari. 5% 30 hari.																															
<i>Suriaini.</i> K & K di K Pengurus																															

Pilih pernyataan yang benar tentang dokumen di atas

- A Dokumen yang mengandungi senarai pembelian secara tunai
 - B Dokumen yang mengandungi senarai pembelian secara kredit
 - C Dokumen yang mengesahkan bahawa jumlah bayaran telah diterima
 - D Dokumen yang dikeluarkan oleh pihak bank kepada pemegang akaun semasa
38. Apakah yang dimaksudkan dengan Pemasaran
- A Penjenamaan semula produk
 - B Menjamin keuntungan yang tinggi kepada usahawan
 - C Menghasilkan produk yang dapat memenuhi kehendak pengguna
 - D Kaedah berkesan untuk menyalurkan barang dan perkhidmatan kepada pengguna
39. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan
- A Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan
 - B Dokumen perniagaan yang menunjukkan urus niaga perniagaan yang berlaku
 - C Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang akan dijalankan
 - D Dokumen bertulis yang menjalankan secara terperinci tentang visi, misi dan objektif perniagaan

40. Pernyataan yang manakah merupakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan ?
- A Memastikan usahawan tahu hala tuju perniagaan
 - B memastikan usahawan menyediakan laporan kewangan dengan baik
 - C memastikan usahawan berani mengambil risiko dalam dunia perniagaan
 - D Memastikan usahawan membuat perancangan dengan teliti terhadap keperluan sumber perniagaan

- KERTAS SOALAN TAMAT -